

IKLAN JAWATAN KOSONG

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merupakan Universiti Awam Teknikal yang pertama di Malaysia. UTeM juga adalah sebuah Universiti Berfokus yang menumpukan aktiviti kesarjanaan dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, ICT, teknologi dan pengurusan teknologi bagi menjana modal insan yang mempunyai kepakaran meluas dalam bidang teknikal untuk keperluan sektor industri berteknologi tinggi.

UTeM mempelawa **warganegara Malaysia** yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi **kekosongan bagi jawatan Akademik & Pentadbiran** di Universiti ini.

TARAF PELANTIKAN: TETAP

JAWATAN AKADEMIK :

BIL.	JAWATAN	FAKULTI	KEPERLUAN BIDANG KRITIKAL
1.	Pensyarah Universiti DS45/DS51	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	Rantaian Bekalan dan Logistik
			Pemasaran
		Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	Teknologi Permainan, Pengaturcaraan Pangkalan Data Lanjutan, Pembangunan Aplikasi Mobile
		Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)	Metalurgi, Kimpalan, Modifikasi Permukaan
		Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK)	Pengurusan/ Pembangunan Sumber Manusia
		Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	
		Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB)	Bahasa Inggeris

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- 1) Permohonan ini hanya terbuka kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** sahaja.
- 2) Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan oleh skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada gred yang dipohon pada pautan iklan di atas.
- 3) Pemohon yang berminat dikehendaki mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - 3.1 Borang Permohonan Jawatan Akademik (Pensyarah Universiti / Pegawai Latihan Vokasional / Guru Bahasa).

➤ [Muat Turun Borang Permohonan Jawatan Akademik](#)

3.2 Selain daripada Borang Permohonan Jawatan Akademik, pemohon yang memohon jawatan **Pensyarah Universiti** juga perlu memenuhi **Syarat Minima Permohonan Ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51 (Lampiran A1 / A2)** dan mengisi **Borang Penilaian Syarat Minima Permohonan (Lampiran B1 / B2)**.

➤ **Kategori I : Bagi Pemohon dari Industri :**

[Muat Turun Lampiran A1 dan Lampiran B1](#)

➤ **Kategori II : Bagi Pemohon dari IPT (Awam dan Swasta):**

[Muat Turun Lampiran A2 dan Lampiran B2](#)

3.3 Pemohon dari kalangan **pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan/Badan- Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan** dikehendaki mengemukakan **permohonan melalui Ketua Jabatan** dan mengisi borang **Pengesahan Ketua Jabatan** di **Lampiran A**.

➤ [Muat Turun Borang Pengesahan Ketua Jabatan di Lampiran A](#)

- 4) Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.utm.edu.my> dan klik di pautan yang disediakan di **Quick Links > Job Vacancies > Iklan Perjawatan Akademik**.
- 5) Permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dianggap tidak berjaya.
- 6) Hanya pemohon yang berjaya melepasi tapisan Universiti sahaja akan dipanggil temu duga.
- 7) Sila hantar borang yang lengkap dengan menyatakan jawatan dan gred dipohon di sudut sebelah kanan sampul surat kepada Universiti ke alamat berikut:

**Unit Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal Melaka**

- 8) Borang permohonan hendaklah diterima oleh Universiti **pada atau sebelum tarikh tutup iklan**. Borang yang lewat diterima tidak akan diproses.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN JAWATAN:

TERBUKA SEPANJANG TAHUN ATAU SEHINGGA KEKOSONGAN BIDANG KRITIKAL DIISI (MANA YANG TERDAHULU). PEMOHON YANG TIDAK MENERIMA SEBARANG JAWAPAN DARIPADA UTEM DALAM TEMPOH ENAM (6) BULAN DARI TARIKH PERMOHONAN DITERIMA OLEH UTEM, HENDAKLAH MENGANGGAP PERMOHONAN TERSEBUT TIDAK BERJAYA.

TARAF PELANTIKAN: TETAP

JAWATAN PENTADBIRAN :

BIL.	JAWATAN	GRED
1.	Pembantu Keselamatan (Pemohon yang mempunyai Sijil Polis Bantuan adalah satu kelebihan)	KP19
2.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Keutamaan diberikan kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dan bakat dalam bidang fotografi)	N19
3.	Pembantu Awam	H11

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- 1) Semua permohonan jawatan pentadbiran **DIMESTIKAN** menggunakan Sistem Permohonan Jawatan secara atas talian bagi mengisi Borang Permohonan Jawatan dengan melayari <http://www.utem.edu.my> dan klik di pautan yang disediakan di **Quick Links > Job Vacancies > Iklan Perjawatan Bukan Akademik**.
- 2) Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada gred yang dipohon pada pautan iklan di atas.
- 3) Permohonan yang **TIDAK** dibuat menerusi Sistem Permohonan Jawatan secara atas talian akan **DITOLAK**.
- 4) Pemohon dinasihatkan untuk membaca dengan teliti Arahan Pengisian sebelum memohon jawatan. Pemohon **DIMESTIKAN** memuat naik **gambar terkini berukuran passport** dan **dokumen sokongan akademik yang berkaitan dengan kelayakan jawatan dipohon**. Kegagalan mengisi maklumat dengan lengkap serta tidak memuat naik dokumen sokongan boleh menyebabkan permohonan calon **DITOLAK**.
- 5) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk menjalani ujian saringan atau temu duga.
- 6) Sekiranya calon tidak menerima sebarang jawapan dari pihak UTeM dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup permohonan, ini bermakna permohonan calon tersebut adalah dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN JAWATAN: 15 DISEMBER 2022 (KHAMIS)

- 7) Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi kami :

Unit Perjawatan

Bahagian Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

06 – 2701981 / 2837 / 1947.

Email : recruit.academic@utem.edu.my (jawatan Akademik)

recruit.non-academic@utem.edu.my (jawatan Pentadbiran)